

1978

JITRA, 26 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEKALI LAGI MENGINGATKAN RAKYAT KEDAH JANGAN TERPENGARUH DENGAN JANJI-JANJI PAS DALAM KEMPEN PILIHANRAYA SEKARANG KERANA PARTI ITU TIDAK BERKEUPAYAAN MELAKSANAKANNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKAWA KENYATAAN INI TELAH TERBUKTI DAN BERLAKU DI NEGERI KELANTAN SEMASA PAS MEMEGANG TERAJU PEMERINTAHAN NEGERI ITU LEBIH 19 TAHUN LALU.

MENURUT BELIAU, SEKIRANYA PAS MEMERINTAH KEDAH RAKYATNYA AKAN MENGALAMI NASIB YANG SAMA SEPERTI YANG DIREASAKAN OLEH RAKYAT KELANTAN DAHULU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DI MAJLIS CERAMAH DI KAMPUNG CENOK, PADANG SERA DEKAT SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA PAS TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMBENTUK SEBUAH KERAJAAN NEGERI WALAUPUN MEREKA MENANG DI KEDAH KERANA SIKAP PARA PEMIMPINNYA YANG TIDAK JUJUR.

+BOLEH DIKATAKAN KEBANYAKAN TOKOH-TOKOH PAS MEMAIN POLITIK UNTUK KEPENTINGAN PERIBADI DAN BUKAN KERANA HENDAK BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT JELATA,+ TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 1428/1B

££

2542:

MAHATHIR-CEREMAH 2 JITRA

SEBAGAI CONTOH, YANG DIPERTUA AGUNG PAS DATUK HAJI MOHAMED ASRI TELAH MEMINDAHKAN PENGKALAN POLITIKNYA DARI KELANTAN KE KEDAH SEMATA-SAMA KERANA BELIAU TIDAK MENDAPAT KEYAKINAN RAKYAT DI NEGERI ITU.

DATUK ASRI, TAMBAHNYA, TELAH DIANGGAP OLEH PARA PENGUNDI DI KAWASAN LAMANYA NILAM PURI SEBAGAI SEORANG TOKOH YANG GAGAL MENJALANKAN TUGAS BAGI KEPENTINGAN MEREKA.

+OLEH YANG DEMIKIAN, BOLEHKAH RAKYAT NEGERI KEDAH MENERIMA PARA PEMIMPIN PAS YANG BERSIKAP SEPERTI ITU UNTUK MENGENDALIKAN JENTERA PENTADBIRAN NEGERI?,+ TANYA BELIAU.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, KERAJAAN BARISAN NASIONAL AKAN TERUS MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN KHUSUSNYA UNTUK MEREKA YANG TINGGAL DI KAWASAN LUAR BANDAR JIKA DIBERIKAN MANDAT BARU DALAM PILIHANRAYA INI.

KERAJAAN SETAKAT INI TELAH PUN MEMBELANJAKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT UNTUK MENGADAKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DI NEGERI KEDAH.

MENGENAI PILIHANRAYA 8 JULAI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BARISAN NASIONAL MAHUKAN RAKYAT MEMBERI MANDAT BARU UNTUK MEMERINTAH DAN SETERUSNYA MENJALANKAN PROJEK-PROJEK SOSIO-EKONOMI BAGI KEPENTINGAN MEREKA. - BERSAMBUNG 1433/1B

MAHATHIR -CERAMAH 3 JITRA

TERDAHULU DARI ITU CALUN BN BAGI KERUSI DEWAN UNDANGAN TUNJANG, ENCIK HANAFI RAMLI KETIKA BERUCAP DI MAJLIS ITU BERKATA, BELIAU AKAN MEMBUKA PEJABAT WAKIL RAKYAT DI TUNJANG, KODIANG, CHANGLOON DAN PADANG SERA UNTUK KEMUDAHAN PARA PENGUNDI DI KAWASAN BERKENAAN SEKIRANYA DIPILIH KELAK.

KEMUDIAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAWAT BILIK GERAKAN BN BAGI KAWASAN PADANG SERA DAN MENEMUI AHLI JAWATANKUASATINDAKAN PILIHANRAYA KAWASAN ITU DI KUALA NERANG, 25 BATU DARI SINI.

DI PERJUMPAAN TERTUTUP ITU, DR. MAHATHIR MENASIHATKAN PARA PEKER. BN SUPAYA MEMPERKEMASKAN JENTERA PILIHANRAYA BAGI MENENTANG CALUN PAS. DATUK ASRI YANG BERTANDING DI KAWASAN PARLIMEN PADANG TERAP.

BELIAU BERKATA, BN BUKAN SAHAJA AKAN EMBERI TENTANGAN HEBAT KEPADA DATUK ASRI TETAPI JUGA MEMBERIKAN KEPUTUSAN YANG MEMERANJATKAN BELIAU. -- BERNAMA 1437/1B